

02 DEC 1999  
Azhar-WSSRC  
WSSRC PERAKUI PENCAPAIAN AZHAR

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Selepas menunggu hampir sebulan, akhirnya Datuk Azhar Mansor yang mengharumkan nama negara dengan mengelilingi dunia atas kapal layarnya "Jalur Gemilang" mendapat peluang untuk menunjukkan sijil pengiktirafan akan pencapaiannya kepada Perdana Menteri.

Azhar begitu gembira kerana dapat menunjukkan sijil itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri melawat beberapa tempat pameran di segmen maritim Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1999 (LIMA '99) di Tanjung Malai di sini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad turut berada di sampingnya kelihatan gembira dengan sijil pengiktirafan bagi Azhar itu daripada Majlis Rekod Kelajuan Pelayaran Dunia (WSSRC).

Menurut Azhar, beliau menerima sijil yang ditandatangani oleh setiausaha WSSRC, John Reed awal bulan lepas

"Sebenarnya saya mahu tunjukkan sijil itu kepada Dr Mahathir pada 20 Nov, tetapi saya rasa LIMA adalah peluang terbaik bagi saya untuk menemuinya," kata beliau.

Dalam sijil beliau bertarikh 22 Okt, 1999 Reed mengesahkan pencapaian Azhar dan mengucapkan tahniah kepada semua yang terbabit.

Butir-butir rekod yang tercatat pada sijil itu ialah seperti berikut:

Rekod Dunia: Mengelilingi dunia, berbantu (persinggahan), dari timur, solo.

Kapal Layar: Jalur Gemilang

Tarikh: 2 Feb 1999 ke 11 Ogos 1999.

Tempoh Pelayaran: 190 hari 6 jam 57 minit 2 saat.

Semasa majlis makan malam sempena LIMA '99 di sini semalam, Dr Mahathir menyampaikan anugerah kapten kehormat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kepada Azhar kerana berjaya mengelilingi dunia.

Azhar dianugerahkan pangkat itu dalam tauliah khas oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Azhar, 41, merupakan orang pertama di dunia untuk mengelilingi dunia menggunakan laluan timur barat.

Pada 18 Mei lepas, Raja Perlis menganugerahkan Azhar dengan gelaran Datuk sempena hari keputeraan baginda.

Pelaut kelahiran Perlis itu mula belayar dari Langkawi pada 2 Feb dan kembali ke tanahair pada 11 Ogos selepas belayar 25,000 baru nautika selama 190 hari.

-- BERNAMA

TM NH PR